

EKSKLUSIF TOKOH

Cikgu Muhammad

TARUNG NYAWA

Cikgu Nor Azman

DUA guru, Cikgu Muhammad Md Nor dan Cikgu Nor Azman A, Aziz dari Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia telah ditemui di Muar, Johor baru-baru ini.

Cikgu Muhammad, 58, Pengerusi Ujian Majlis Jurulatih Selangor Darul Ehsan manakala Cikgu Nor Azman, 52, pensyarah Bahasa Inggeris Universiti Perguruan Sultan Idris (UPS) adalah Wakil Perlimau Tapak dan Seni.

Kedua-dua guru itu mempunyai cerita hampir

sama apabila sudah mengabdikan diri dalam dunia persilatan.

Antara kisah, Cikgu Muhammad ketika dalam kursus, enggan pulang malah menyuruh isterinya naik teksi ketika hendak bersalin anak ketiga. Hanya sedar anak kelahiran sudah ada di rumah sekembali dari kursus itu.

Cikgu Nor Azman pula pernah perlekeh Gayong... Ikuti wawancara eksklusif dengan penerbit AZLAN GHANIE.



DUA pesilat bertaraf guru, Cikgu Muhammad Md Nor dan Cikgu Nor Azman A. Aziz dari Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia, bukan hanya bertarung nyawa dalam gelanggang silat tetapi turut bertarung nyawa sendiri dan keluarga.

Bertarung nyawa dalam persembahan hanyalah untuk menggerakkan mata penonton, tetapi bertarung nyawa sebenar kerana silat, satu pengalaman yang sukar dilupakan.

Tambah lagi, kerana silat, nyawa keluarga hampir melayang di jalan raya.

Kedua-dua guru itu telah mengalami tragedi itu dan ditemui untuk wawancara eksklusif di Muar ketika mereka menjadi fasilitator Kursus Kejurulatihan Modul Asas Silat (MAS) Tahap 1 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) baru-baru ini.

Menurut cerita Muhammad, 57, ia berlaku dalam perjalanan pulang dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur,

selepas mengadakan persembahan. Turut berada dalam kenderaan adalah anak dan isterinya, Rahimah Saat yang sedang mengandung.

“Saya kepenatan tetapi cuba gagah juga memandu. Satu ketika saya terlelap sekejap sahaja dan bila buka mata... sudah menghampiri belakang lori dengan laju.

“Saya tidak sempat mengelak dan terus melanggar. Kereta saya remuk tetapi boleh lagi bergerak. Nasib baik isteri yang mengandung tiada cedera berat tetapi anak patah tulang hidung kerana melambung ke depan tempat duduk,” cerita Cikgu Muhammad lagi.

Manakala Cikgu Nor Azman iaitu pensyarah Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), mengingati masa awal menimba ilmu di Kuala Lumpur dan Selangor. Turut mengikuti beliau adalah isterinya, Siti Safiah Sulaiman, anaknya Nabilah yang ketika itu berusia 2 tahun.

Bila habis kerja pagi Sabtu, beliau bersama keluarga akan turun ke Kuala Lumpur iaitu di gelanggang

Jalan Tun Razak untuk menambah ilmu dengan Cikgu Izhar Abbas sebelum malamnya ke Kajang (Selangor) dengan Cikgu Shahrudin Abdul Hamid.

“Dalam perjalanan pulang dari Kajang, badan dan mental sudah letih dan tidak dapat mengawal kenderaan lagi. Apabila sampai di pekan Sungai Pelik, Sepang, kenderaan saya keluar dari jalan raya dan terus langgar pokok kelapa sawit.

“Isteri saya mengalami cedera parah pada mata kanan, enam keping kaca terpacak pada kulit kepala dan Nabila pula pecah bibir,” cerita Cikgu Nor Azman.

Isteri Cikgu Nor Azman telah menerima 30 jahitan di Hospital Seremban.

“Saya hampir hendak bersara apabila melihat keadaan isteri saya. Saya juga jadi fobia menaiki kenderaan dan begitu juga anak saya.

“Tetapi kerana minat dengan silat, saya aktif juga walaupun telah dinasihatkan oleh rakan-rakan supaya berhenti dengan silat,” kata guru itu

lagi.

Sementara itu, Cikgu Muhammad mendakwa sering terlibat dalam kemalangan pada hari Sabtu. Kemalangan yang melibatkan isterinya itu juga hari Sabtu.

Ketika hendak pergi mengajar, kenderaan beliau telah dilanggar oleh kenderaan yang dipandu oleh seorang remaja dari belakang. Pernah melanggar seorang warga Indonesia ketika menunggang motosikal dalam

perjalanan pulang dalam satu pertandingan di Pahang.

Cikgu Muhammad akui diri beliau dengan silat bagai sukar hendak dipisahkan bilamana ayahnya sendiri sudah faham sangat perjuangan guru itu.

“Ketika ayah hendak menunaikan haji pada hari sabtu, saya pun tidak mengiringi beliau kerana terlibat secara langsung dalam satu pertandingan. Saya hanya kirimkan salam.

“Ayah saya tidak boleh kata apa-apa dengan sikap saya dalam dunia persilatan... beliau hanya berkata, bersilatlah dalam kubur...,” kata Cikgu Muhammad lagi.

Sambunganya; “Mungkin dari kata-kata itu, saya mula sering

mengalami kemalangan pada hari sabtu.”

Beliau seterusnya mendedahkan, Cikgu Nor Azman pernah menyelamatkan ketika dalam perjalanan pulang selepas menghadiri acara silat.

“Saya letih... tidak sedar kereta mula bergerak macam ular di tengah jalan raya. Bila hendak terkeluar... dengan nada lembut Cikgu Nor Azman menegurkan saya, hendak ke mana?

“Kerana teguran lembut itu membuatkan saya tidak panik dan kembalikan kenderaan ke jalan raya. Nasib baik tiada kenderaan masa itu,” dedah guru silat yang akan bersara sebagai pegawai kakitangan MARA pertengahan tahun ini.



MINAT KERANA GAYONG LASAK - Muhammad

SEJAK tahun 70an, Muhammad Md Nor sering ke Kompleks Sukan Kampung Pandan untuk menjalani latihan angkat berat. Yang menjadi salah satu aktiviti kegemarannya.

Tidak pernah terlintas, satu hari nanti akan berlatih silat. Apatah lagi tidak dipahat dalam hati untuk menjadi seorang guru silat.

Bertugas sebagai kakitangan MARA di ibu pejabatnya, Muhammad lebih senang bergerak aktif kepada riadah yang lasak.

“Satu petang, saya terlihat orang berlatih gayong (Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia) di tingkat dua, bangunan MARA. Saya terus terpikat dan hendak berdaftar untuk belajar.

“Ia berlaku tahun 1978 sesudah tujuh tahun berada di Kuala Lumpur. Dari berlatih sama-sama sendiri, kami membawa guru iaitu Cikgu Izhar Abbas mengajar di MARA,” mula cerita Muhammad yang kini dikenali Cikgu Mat Nor MARA (Cikgu Muhammad).

Menurut Cikgu Muhammad, gelanggang di MARA sesak dengan pesilat yang berminat untuk berlatih dengan bayarannya RM3 sebulan.

Sesudah itu, Cikgu Muhammad telah diperlimau oleh Mahaguru Gayong Malaysia, Datuk Meor Abdul Rahman Hashim.

“Kami dulu berdepan dengan Datuk Meor. Seronoknya perasaan kerana dapat bertemu dengan empunya badan perguruan. Kami yang hendak diperlimau teruja dan melihat ada pisau, pisang, limau dan pelbagai lagi.

“Saya bertanya kepada datuk... Hendak buat apa dengan barang-barang itu? Datuk jawab, pisau dan pisang untuk kamu makan.

“Ramai kawan-kawan di belakang saya mengundur diri selepas mendengar jawapan itu,” kata Cikgu Muhammad sambil ketawa kecil.

Apapun, langkah Cikgu Muhammad tidak terhenti sebaliknya terus ke depan. Beliau dilantik sebagai bendahari di gelanggang MARA namun akhirnya gelanggang itu ditutup kerana kurang pesilat

sesudah yang lama menjadi jurulatih dan membuka gelanggang baru.

Cikgu Muhammad pernah beregu dengan penyanyi Wan Shades sebelum dengan Cikgu Nor Azman A. Aziz untuk persembahan depan Datuk Seri Najib Tun Razak (Perdana Menteri Malaysia). Dan mereka terus bersahabat hingga kini.

Hasil perkahwinan dengan Rahimah Saat, mereka telah dikurniakan tiga anak iaitu Zullkifli, Zullmurzli dan Zulliana.

Menurut Cikgu Muhammad, beliau

mengalakkan anak-anaknya terlibat dalam silat supaya warisan budaya bangsa terus terpelihara dan berkembang.

Pernah satu ketika, cerita Cikgu Muhammad, anak sulungnya hampir hendak dihentikan oleh pihak universiti kerana terlalu aktif dalam persilatan.

"Anak saya, Zul tetap bersilat dan akhirnya menjadi pelajar terbaik. Beliau sememangnya bijak dalam subjek matematik tambahan.

"Sekarang beliau menjadi pesyarah di IKM (Institut Kemahiran Mara) di Lumut. Masih aktif bersilat dan memegang bengkung kuning lima serta sandang khalifah," beritahu

beliau lagi.

Cikgu Muhammad akan bersara pertengahan tahun ini. Beliau bertugas sebagai Pegawai tadbir di MRSM Muazam Shah, Pahang.

Dalam usia hampir 60 itu, beliau masih aktif mengajar. Hari Selasa di sekolah teknik, Rabu di MRSM manakala Khamis dan Jumaat di sebuah universiti. Pagi Sabtu, akan memandu ke sekolah Wangsa Maju, Kuala Lumpur dan malamnya mengajar jurulatih di gelanggang Taman Nirwana, Ampang.

Sesudah berpeluh di Taman Nirwana, beliau akan pulang ke rumahnya di Melaka dan subuh Isnin akan memandu kembali untuk bertugas.

MULA TENGOK TERUS KUTUK - NOR AZMAN

LAHIR di Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan pada tahun 1958, Cikgu Nor Azman A. Aziz mula terlibat dalam persilatan ketika berusia 15 tahun.

Langkah mungkin lebih awal ke gelanggang tetapi tiada pengangkutan membuat diri terpaksa berputih mata dan memendam rasa. Atuknya, Abu Bakar Baginda Kali pula seorang guru Silat Harimau. Beliau enggan mengajarnya, malah menyuruh belajar dengan guru lain.

Sehubungan itu, guru pertamanya dikenali dengan panggilan Wak Jambor, guru Silat Kuntau Jawa. Ilmu dipelajari hingga tamat dalam tiga bulan.

Kemudian diketahui Silat Seni Gayong Malaysia hendak membuka gelanggang di Sabak Bernam dan dihadirkan diri untuk menonton persembahan dari tetamu luar.

"Mulanya saya menyampah... tidak minat langsung. Malah siap kutuk dan gelak cara tikaman yang dipanggil radat sula iaitu tikaman dari bawah.

"Tetapi makin lama menonton... mulut yang bising terdiam. Mungkin ternganga bila melihat ada gimnastik, cara elak dan lompat. Saya pula pemain sepak takraw tentunya latihan sebegitu yang dicari. Saya terus mendaftar," cerita Cikgu Nor Azman.

Kerana minat, dirinya dihambakan untuk memperolehi kemahiran hingga guru gelanggang, Cikgu Abdul Razak Hussein yang turut dikenali Singa Berantai membawanya melakukan persembahan merata tempat.

Cikgu Nor Azman tidak pernah menoleh malah terus melangkah ke depan. Walaupun menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (kini Universiti Perguruan Sultan Idris), selain berlatih di maktab itu, hujung minggu dihabiskan berpeluh di gelanggang Kuala Lumpur.

Pernah mengambil ujian dengan Guru Hussein Kaslan di Beduk, Singapura dengan pecah genting dan permainan Yoi empat penjuru.

"Ujian dibuat tepi jalan raya. Ramai berhenti untuk menonton.

"Dulu saya hanya bercita-cita hendak menjadi jurulatih sahaja..." beritahu Cikgu Nor Azman yang kini sedang membuat Ph.D.

